

KIASAN DALAM NOVEL "CINTA SANG RATU" DARI SUDUT PRAGMATIK

Norhidayu Hasan
Zaitul Azma Zainon Hamzah
Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Ungkapan kiasan adalah ungkapan yang mengiaskan sesuatu perkara dengan perkara yang lain dan mempunyai makna tersendiri. Dalam karya kreatif, kiasan digunakan untuk menyampaikan mesej. Justeru objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis kiasan yang terdapat dalam novel dan menganalisis makna kiasan menggunakan Teori Relevans. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah analisis teks. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat 3 jenis kiasan yang digunakan dalam novel *Cinta Sang Ratu* iaitu kiasan jenis simile, metafora dan personifikasi. Setiap jenis kiasan ini mempunyai definisi dan cirinya yang tersendiri serta mempunyai makna yang berbeza daripada makna literal ungkapan kiasan itu. Penggunaan ungkapan kiasan dalam novel berfungsi untuk menyampaikan makna dengan lebih berkesan kepada pembaca. Oleh itu kiasan ini perlu diuraikan maknanya berdasarkan konteks.

Kata Kunci: *Kiasan, Teori Relevans, Pragmatik*

FIGURATIVE ELEMENTS IN “CINTA SANG RATU” NOVEL FROM PRAGMATIC APPROACH

Abstract

Figurative expression is the expression of an analogy with a situation at another and has its own meaning. In creative work, figurative expression used to convey a message. Thus the objective of this study is to identify the type of figurative expression figurative expression contained in the novel and analyzed the figurative expression using Relevance Theory. The method used throughout this study is the textual analysis. Hence, the results showed that there are three types of figurative expression used in the novel ‘Cinta Sang Ratu’ are simile, metaphor and personification. Every figurative expression has its own definition and its own characteristics and also has a different meaning than the literal meaning of the figurative expression. The use of figurative expression in the novel serves to convey meaning more effectively to the reader. Therefore, these figurative expressions must be explained its meaning using its context.

Keywords: *Figurative, Relevance Theory, Pragmatics*

PENGENALAN

Manusia mempunyai cara yang tersendiri untuk menyampaikan buah fikiran masing-masing sama ada dalam bentuk sopan atau tidak sopan. Bahasa yang dimanipulasi dengan indah akan menunjukkan keunikan pemikiran dan fahaman seseorang. Misalnya, penggunaan kiasan yang secara jelas digunakan untuk menyampaikan sesuatu mesej atau idea secara implisit. Ungkapan kiasan adalah ungkapan yang tidak dinyatakan secara langsung namun, dikaitkan atau dijadikan kiasan dengan benda atau perkara yang lain. Bahasa kiasan menurut Normaliza Abd. Rahim dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2007) adalah sebarang ayat atau perkataan yang diujarkan dan mempunyai maksud yang berlainan berdasarkan perkara yang dikiasakan dengan tujuan menunjukkan nilai kesantunan serta menjaga perasaan seseorang. Seterusnya, menurut Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2010) bahasa kiasan tidak boleh diterjemahkan maknanya melalui pencarian makna menerusi kamus namun, harus difahami susunan ujarannya serta mentafsir makna yang tersirat daripada perlambangan yang diberikan.

Dalam konteks penulisan misalnya, A. Wahab Ali (2012) berpendapat bahawa penggunaan kiasan dalam penulisan dianggap penting kerana dapat membantu pembaca memahami dengan lebih jelas idea yang bersifat abstrak. Hasuria Che Omar *et al.*, (2009) menyatakan bahawa penggunaan gaya bahasa

tertentu dalam penulisan karya terutamanya bahasa kiasan mampu menyerlahkan identiti atau sifat kepengarangan seseorang penulis itu. Bahasa kiasan dijelaskan oleh pengarang mengikut pemahaman konteksnya. Walaupun menggunakan bahasa kiasan, pembaca masih dapat menterjemahkan maksud sebenar yang ingin disampaikan pengarang. Selain memberikan nilai keunikan atau estetika kepada sesuatu karya itu, penggunaan bahasa kiasan mampu memberikan satu kepuasan kepada pembaca kerana mesej yang disampaikan dapat disampaikan secara tepat dan padat. Selain itu, menurut Reti Dasril (2013) penggunaan bahasa kiasan dalam novel pula mampu meninggalkan kesan yang mendalam kepada pembaca dan meningkatkan lagi nilai sesuatu karya kreatif itu.

Bahasa kiasan turut digunakan oleh Ramlee Awang Murshid dalam novel *Cinta Sang Ratu*. Penggunaan ungkapan kiasan ini dilihat sebagai usaha untuk menyampaikan makna mesej sebenar yang dihajati oleh pengarang. Maka, huraian makna ungkapan kiasan dalam novel harus dianalisis dari sudut pragmatik bagi menjelaskan lagi makna ungkapan kiasan yang ingin disampaikan oleh penulis dalam novel. Hal ini kerana makna literal ungkapan kiasan sahaja tidak mampu menjelaskan mesej yang ingin disampaikan. Interpretasi makna kiasan amat bergantung kepada konteks untuk melahirkan andaian yang relevan. Oleh itu kajian ini menggunakan penerapan Teori Relevans (1986) bagi menghuraikan makna kiasan yang digunakan dalam novel *Cinta Sang Ratu* setelah penggunaan ungkapan kiasan itu sendiri dikenal pasti. Secara ringkasnya obojektif kajian ini adalah seperti berikut:-

1. Mengenal pasti penggunaan ungkapan kiasan dalam novel.
2. Menganalisis makna ungkapan kiasan dalam novel berdasarkan Teori Relevans (1986).

SOROTAN LITERATUR

Normaliza Abdul Rahim dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2007) telah mengkaji kesan penggunaan bahasa kiasan terhadap tatacara kehidupan bangsa Melayu dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah lapangan. Hasil penerapan teori pragmatik dan teori sosiolinguistik, dapatan kajian ini menjelaskan bahawa penggunaan bahasa kiasan mampu menyerlahkan budaya serta kehidupan orang Melayu yang mementingkan kesopanan ketika bertutur. Setiap bahasa kiasan yang wujud sehingga kini mampu memberikan nilai pengajaran serta mengeratkan hubungan setiap bangsa.

Seterusnya adalah kajian Siti Saniah Abu Bakar dan Noor Hatini Zolkipli (2012) yang menggunakan novel *Melunas Rindu* dan *Renyah* sebagai bahan kajian. Obojektif kajian Siti Saniah Abu Bakar dan Noor Hatini Zolkipli adalah meneliti unsur eufemisme novel berdasarkan prinsip kesopanan. Hasil kajian ini mendapati

bahawa unsur eufemisme banyak digunakan dalam kedua-dua buah novel tersebut. Malah, unsur eufemisme dapat memberi kesan yang mendalam kepada pembaca kerana pemilihan dan penggunaan ungkapan yang lebih bersifat halus kepada pembaca.

Seterusnya, Wong Shia Ho (2013) telah mengguakan teks ucapan Tunku Abdul Rahman sebagai bahan kajian untuk mengkaji penggunaan bahasa figuratif. Objektif kajian Wong Shia Ho (2013) adalah untuk menganalisis penggunaan bahasa figuratif dalam menyampaikan sesuatu mesej serta kesannya kepada pendengar dengan menggunakan teori relevans sebagai landasan kajian. Hasil kajian, Wong Shia Ho (2013) mendapati bahawa Tunku Abdul Rahman gemar menggunakan bahasa figuratif dalam menyampaikan pemikirannya melalui ucapan yang diberikan.

KAEDAH KAJIAN

Proses pengumpulan data dilakukan oleh pengkaji menggunakan kaedah tinjauan pustaka dan kaedah analisis teks. Kaedah tinjauan pustaka digunakan untuk membuat rujukan terhadap bahan-bahan bercetak misalnya buku rujukan, artikel jurnal, kertas kerja dan majalah akademik yang berkaitan dengan bidang kajian pragmatik bagi mengenal pasti jenis kiasan yang terdapat dalam bahasa Melayu.

Seterusnya, pengumpulan data menggunakan kaedah analisis teks dilakukan pengkaji dengan memilih ungkapan kiasan yang digunakan dalam novel *Cinta Sang Ratu*. Pengumpulan ungkapan kiasan itu dibuat berdasarkan jenis bahasa kiasan yang terdapat dalam bahasa Melayu yang telah dipilih serta dibahagikan mengikut jenis untuk dianalisis maknanya berdasarkan analisis pragmatik. Analisis data ini dilakukan menggunakan Teori Relevans yang menekankan konsep konteks, kesan konteks dan usaha memproses untuk mendapatkan makna ungkapan kiasan yang digunakan dalam novel *Cinta Sang Ratu*.

Teori Relevans

Teori Relevans adalah satu teori dalam bidang pragmatik yang dikemukakan oleh Dan Sperber dan Deidre Wilson (1986). Menurut Siti Hajar Abdul Aziz (2010), Teori Relevans adalah sebagai satu usaha dalam peningkatan Prinsip Kerjasama yang dikemukakan oleh Grice. Malah prinsip relevans juga adalah hasil gabungan dan pemurnian Maksim Kerjasama. Teori Relevans adalah satu teori yang menekankan bahawa penutur harus bertanggungjawab dalam menyampaikan maklumat yang relevan mengikut konteks. Ujaran penutur akan diuraikan berdasarkan konteks seterusnya membentuk kesan konteks. Usaha memproses ujaran ini juga akan memperlihatkan korelevanan ujaran tersebut. Berikut adalah penerangan tiga konsep utama Teori Relevans.

Konteks

Konteks adalah satu aspek yang penting untuk memahami ujaran. Dengan erti kata lain konteks membantu pendengar memahami apa sahaja yang disampaikan oleh penutur. Menurut Sperber dan Wilson (1995:281) penutur harus mengambil kira keupayaan kognitif atau konteks untuk membolehkan interprestasi makna sebenar ujaran oleh pendengar. Nor Hashimah Jalaluddin (1992) menjelaskan konteks sebagai pengetahuan sedia ada pada pendengar dan dipadankan dengan maklumat dalam ujaran untuk melahirkan kesan konteks. Selain itu, Sperber dan Wilson (1999:27) menyatakan bahawa konteks melibatkan persekitaran fizikal, harapan, masa depan, hipotesis saintifik, kepercayaan agama, memori indah, andaian budaya, kepercayaan tentang keadaan mental penutur. Konteks turut dapat dikembangkan melalui tiga cara iaitu ujaran terdahulu, alam persekitaran adan catatan ensiklopedia.

Kesan Konteks

Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (1992:34), kesan konteks adalah andaian awal yang ada pada pendengar. Dalam perbualan apabila sesuatu ujaran yang dikemukakan, pendengar akan menggabungkan, memperkuat atau menggugurkan konteks dengan andaian awalan sedia ada untuk menghasilkan kesan konteks. Kesan konteks dihasilkan menerusi interaksi antara maklumat baharu dengan lama sebagai premis dalam implikasi sintetik. Secara ringkasnya, andaian yang tidak mempunyai kesan konteks dalam konteks yang diberi adalah tidak relevan dalam konteks tersebut.

Usaha Memproses

Usaha memproses adalah melibatkan interprestasi makna oleh mereka yang terlibat dalam sebuah perbualan. Menurut Deidre Wilson dan Dan Sperber (1998:9), usaha memproses melibatkan pemahaman ujaran yang bergantung kepada dua faktor utama iaitu bentuk ujaran itu digunakan dan usaha kognisi yang terlibat dalam membentuk konteks yang sesuai. Secara ringkasnya dalam teori relevans, semakin besar usaha memproses maka semakin rendah kerelevanan ujaran.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini memanfaatkan tiga sampel data ungkapan kiasan yang terdapat dalam novel *Cinta Sang Ratu*. Tiga data tersebut adalah terdiri daripada ungkapan kiasan jenis simile, personifikasi dan metafora. Penganalisan data akan dapat menghuraikan makna ungkapan kiasan yang sebenar.

Analisis Teori Relevans Terhadap Ungkapan Kiasan

Data 1: Ungkapan Kiasan Simile "wajah itu bagaikan bulan purnama"

Ungkapan kiasan "wajah itu bagaikan bulan purnama" dapat dikenal pasti dalam petikan seperti berikut:

Dia mula tertawan melihat kejernihan wajah Saifudin. Ada sesuatu yang menggamit jiwa raganya. Hatinya terasa berat untuk meninggalkan lelaki itu. **Wajah itu bagaikan bulan purnama.** Berkalih sekejap pun terasa sayang. Malah hendak mengerdipkan kelopak mata pun Sang Ratu tak sanggup...

(Cinta Sang Ratu, 2007:55)

Ungkapan "wajah itu bagaikan bulan purnama" adalah sejenis kiasan simile kerana dalam ungkapan tersebut jelas menggunakan kata banding "bagaikan". Penggunaan kiasan simile digunakan untuk membandingkan sesuatu benda, pekara atau orang dengan benda lain yang mungkin mempunyai ciri, imej, idea yang sama. Analisis makna kiasan simile dapat dijelaskan menerusi interpretasi makna berdasarkan perkaitan antara perbandingan tersebut. Menurut Maslida Yusof (1999), pengertian makna kiasan perbandingan dapat diperjelas menerusi persamaan atau perbezaan yang wujud hasil daripada perbandingan tersebut.

Pengertian makna ungkapan "wajah itu bagaikan bulan purnama" perlu dijelaskan berdasarkan makna linguistik terlebih dahulu bagi membantu menjelaskan interpretasi makna kiasan yang digunakan. Huraian makna linguistik ungkapan kiasan adalah seperti berikut:

Data	Simile	Makna Linguistik
1	Wajah itu bagaikan bulan purnama	Wajah - rupa paras, muka, roman muka. Itu - kata tunjuk untuk benda, hal tempat dan waktu. Bagaikan - serupa jika dibandingkan dengan sesuatu. Bulan - satelit semula jadi yang mengelilingi bumi. Purnama - bulan penuh atau bulan yang bulat benar.

Berdasarkan makna linguistik, penerangan dari sudut leksikal bagi ungkapan kiasan tersebut adalah rupa seseorang itu bulat penuh atau berbentuk sfera, putih dan bercahaya. Tambahan pula, bulan purnama berasosiasi dengan sesuatu pekara

atau benda yang cantik, indah, bercahaya dan tiada cela. Penerangan makna linguistik sahaja tidak mampu menjelaskan makna sebenar yang ingin disampaikan dalam ungkapan tersebut. Hal ini turut dijelaskan oleh Jenny Thomas (1995), untuk memahami ayat aspek pentafsiran makna literal bukan sahaja diperlukan tetapi rujukan konteks juga penting. Oleh itu huraian berdasarkan konteks dapat membantu menyampaikan makna yang sebenar.

Teori Relevans menekankan bahawa konteks berperanan penting dalam interpretasi ujaran. Sperber dan Wilson (1999) menyatakan bahawa konteks adalah satu premis yang digunakan ketika menginterpretasi ujaran. Berdasarkan Teori Relevans, konteks dibina secara psikologi iaitu sebuah andaian pendengar tentang dunia. Konteks bagi ungkapan ini adalah catatan ensiklopedia pembaca mengenai apa yang dikatakan dengan "bulan purnama". Pembaca mempunyai pengetahuan dan catatan ensiklopedia bahawa "bulan purnama" adalah satu keadaan di mana bulan berbentuk bulat penuh atau sfera. Pengetahuan dan catatan ensiklopedia pembaca mengenai sifat, idea dan gambaran "bulan purnama" dapat menjadi konteks pemula yang baik bagi ungkapan kiasan ini. Selain itu, berdasarkan Teori Relevans, ujaran terdahulu juga dapat menjadi konteks pemula bagi ungkapan ini iaitu petikan "*Dia mula tertawan melihat kejernihan wajah Saifudin*". Perkataan "tertawan" dan "kejernihan" dalam petikan terdahulu dapat menjadi rujukan kepada ungkapan "wajah itu bagaikan bulan purnama" seterusnya memberi maklumat tambahan bagi membantu menjelaskan makna kiasan tersebut.

Dalam Teori Relevans juga, konteks kepercayaan seseorang atau masyarakat juga dapat membantu menjelaskan makna sebenar bagi ungkapan kiasan yang digunakan. Konteks kepercayaan masyarakat yang sering menggunakan bulan bagi menggambarkan sesuatu yang baik juga mempengaruhi interpretasi makna. Misalnya, dalam penggunaan peribahasa seperti "bulan jatuh ke riba" yang menggambarkan sesuatu keuntungan dan perumpamaan "bagai bulan dipagar bintang" yang bermaksud kecantikan gadis yang tiada tandingan. Konteks kepercayaan masyarakat tentang bulan sebagai sesuatu perkara yang baik dapat menjadi konteks bagi ungkapan kiasan ini.

Berdasarkan konteks ujaran selepas itu iaitu "*Berkalih sekejap pun terasa sayang. Malah hendak mengerdipkan kelopak mata pun sang ratu tak sanggup...*" dan ujaran yang hadir sebelum itu, maklumat tambahan yang dapat menjadi rujukan kepada interpretasi ungkapan kiasan "wajah itu bagaikan bulan purnama" adalah "tertawan", "kejernihan", "berkalih sekejap pun terasa sayang", dan "mengerdipkan kelopak mata pun Sang Ratu tak sanggup". Berdasarkan konteks yang disenaraikan andaian yang dihasilkan adalah:-

- Andaian 1) wajah itu jernih
2) wajah itu sentiasa ingin diamati
3) wajah itu menarik

Kesan konteks yang terhasil bagi ungkapan kiasan "wajah itu bagaikan bulan purnama" adalah wajah itu adalah wajah yang menarik. Penjelasan kesimpulan andaian ini adalah relevan kerana berhubung dengan andaian awal pendengar. Andrew Goatly (2012) menjelaskan dalam Teori Relevans maklumat tersebut adalah relevan jika berhubung kait dengan andaian awal pendengar. Selanjutnya, menurut Hasmidar Hassan (2007) dalam Teori Relevans kesan konteks yang mencukupi akan terhasil jika konteks yang dibekalkan penutur bersesuaian. Usaha yang diambil untuk interpretasi ungkapan ini juga adalah mudah kerana kesan konteks yang tinggi. Oleh itu makna sebenar ungkapan "wajah itu bagaikan bulan purnama" adalah "wajah itu adalah wajah yang menarik" adalah relevan dan tinggi kesahannya kerana berhubung dengan konteks.

Data 2: Ungkapan Kiasan Personifikasi "cinta itu buta"

Ungkapan kiasan "cinta itu buta" dapat dikenal pasti dalam petikan seperti berikut:

*"Kundang bermimpi indah. Pertemuan awal dengan Saliha tempoh hari telah menumbuhkan perasaan yang sungguh unik. Orang bilang itu namanya cinta. Satu perasaan yang datang dengan sendiri tanpa sebarang paksaan. **Cinta itu buta.** Ia sungguh berkuasa menghadirkan keindahan pada sesiapa pun sahaja tanpa mengenal usia atau darjat"*

(Cinta Sang Ratu, 2007:535)

Berdasarkan ungkapan "cinta itu buta", ungkapan tersebut adalah kiasan jenis personifikasi. Kiasan ini berbeza dengan kiasan jenis simile dan metafora kerana menggunakan, membandingkan atau memberikan ciri-ciri, idea dan sifat manusia kepada benda bukan hidup. Hal ini turut dijelaskan oleh Nik Hassan Basri (2005), personifikasi juga tidak terhad kepada pemberian sifat manusia kepada benda atau pekara tidak hidup malah kepada haiwan, tumbuh-tumbuhan atau idea yang abstrak. Berdasarkan ungkapan kiasan personifikasi "cinta itu buta", cinta adalah satu idea yang abstrak telah dikiaskan kepada sesuatu yang bersifat manusia iaitu buta. Buta adalah satu keadaan apabila manusia hilang atau tiada daya penglihatan. Idea, ciri atau sifat buta itu sendiri telah menjadi inferes utama dalam interpretasi ungkapan kiasan personifikasi ini. Oleh itu, untuk memahami ungkapan kiasan personifikasi "cinta itu buta" unsur atau sifat yang digunakan untuk mengiaskan "cinta" perlu dianalisis menerusi penjelasan kata "buta" berdasarkan konteks pembaca seterusnya menghasilkan kesan konteks.

Pengertian makna ungkapan "cinta itu buta" perlu dianalisis berdasarkan makna linguistik terlebih dahulu bagi membantu menjelaskan lagi interpretasi makna kiasan yang digunakan. Berikut adalah makna linguistik bagi ungkapan personifikasi ini.

Data	Personifikasi	Makna Linguistik
2	Cinta itu buta	Cinta - satu perasaan sayang kepada sesuatu, benda, orang atau pekara. Itu - kata tunjuk untuk benda, hal tempat dan waktu. Buta - mata yang tidak dapat melihat sekeliling.

Berdasarkan makna linguistik yang dijelaskan, huraian makna leksikal bagi ungkapan kiasan tersebut adalah bermaksud cinta itu tidak mampu melihat kerana telah hilang penglihatan, mata yang telah cacat atau cedera. Namun, penjelasan pada peringkat makna linguistik sahaja tidak mampu menghuraikan makna sebenar ungkapan kiasan tersebut. Interpretasi ungkapan kiasan ini perlu dijelaskan menerusi makna perkataan terlebih dahulu seterusnya interpretasi makna berdasarkan konteks. Hal ini telah dijelaskan oleh Wong Shia Ho (2013), dalam Teori Relevans pengaliran andaian kepada makna ujaran dapat dihasilkan menerusi rujukan kepada makna leksikal perkataan dan juga dihasilkan secara tidak langsung menerusi maklumat daripada konteks.

Berdasarkan catatan ensiklopedia, "cinta" dan "buta" adalah sesuatu pekara yang bersifat universal iaitu diketahui oleh pembaca. Pembaca mengetahui bahawa cinta adalah perasaan kasih dan sayang manakala buta adalah ketidak mampuan untuk melihat. Pengetahuan sedia ada pembaca mengenai "buta" dapat menjadi konteks pemula yang membantu interpretasi ungkapan personifikasi ini. Pengarang dilihat membimbing pembaca untuk memahami mesej yang ingin disampaikan dengan menggunakan kata "buta" sebagai rujukan kepada analisis kiasan tersebut. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2003:48), Teori Relevans menekankan bagaimana penutur membantu membimbing pendengar memproses apa yang dikomunikasikan berdasarkan ciri-ciri manifestasi dan persekitaran kognitif. Faktor ini akan membantu interpretasi makna yang sebenar. Seterusnya, dalam petikan sebelum itu juga dapat membekalkan maklumat tambahan kepada ungkapan "cinta itu buta" iaitu "*bermimpi indah*" dan "*perasaan yang sungguh unik*" dapat menjadi rujukan kepada "cinta" dan petikan "*satu perasaan yang datang dengan sendiri tanpa sebarang paksaan*" menjadi anteseden kepada "buta".

Berdasarkan konteks catatan ensiklopedia dan konteks pengetahuan sedia ada pembaca serta dibantu dengan maklumat tambahan yang diperoleh dalam petikan sebelum itu, terdapat andaian kepada penjelasan makna ungkapan kiasan "cinta itu buta" dapat dibentuk

- Andaian 1) Perasaan indah itu tidak dapat dihalang.
2) Perasaan kasih dan sayang boleh dirasai dan dialami oleh sesiapa sahaja.

Andaian kepada makna kiasan "cinta itu buta" adalah "perasaan kasih dan sayang boleh dirasai dan dialami oleh sesiapa sahaja" relevans dalam konteks kerana andaian tersebut mempunyai kesan konteks dalam konteks yang dijelaskan. Kesan konteks "perasaan kasih dan sayang boleh dirasai dan dialami oleh sesiapa sahaja" dapat diperkukuh dengan maklumat tambahan yang dibekalkan dalam petikan selepas itu iaitu "*Ia sungguh berkuasa menghadirkan keindahan pada sesiapa pun sahaja tanpa mengenal usia atau darjat*" yang juga dapat menjadi rujukan kepada "buta" menerusi ungkapan "*sesiapa pun sahaja tanpa mengenal usia atau darjat*". Kesan konteks tinggi kesahannya dan relevan kerana tidak mempunyai usaha memproses yang banyak. Teori Relevans menekankan semakin rendah usaha memproses maka semakin relevan kesan konteks. Usaha memproses kiasan "cinta itu buta" adalah rendah kerana berada dalam konteks pengetahuan pembaca serta dibantu dengan maklumat tambahan yang diperoleh dalam petikan sebelum dan selepas ungkapan.

Data 3: Ungkapan Kiasan Metafora "senyuman adalah panahan beracun"

Ungkapan kiasan "senyuman adalah panahan beracun" dapat dikenal pasti dalam petikan seperti berikut:

*"...namun, pandangan yang menyinga itu beransur-ansur redup. Wajah Laksamana Sunan pula mula menari-nari dihadapan mata. Ratu Sulaman tersenyum tatkala bayangan wajah Laksamana Sunan meleretkan bibirnya. seharusnya dia sudah memusnahkan Laksamana Sunan seperti lain-lain lelaki yang berani memberi senyuman kepadanya. **Senyuman adalah panahan beracun.** Demikian ajaran Maharani yang sentiasa dibisikkan kepadanya".*
(*Cinta Sang Ratu*, 2007:18)

Dalam petikan di atas, ungkapan "senyuman adalah panahan beracun" adalah sejenis kiasan jenis metafora. Metafora adalah sejenis kiasan yang hampir sama dengan kiasan jenis simile. Namun, kiasan metafora ini tidak menggunakan kata banding tetapi bersifat terus memindahkan sifat, idea atau ciri sesuatu kepada pekara, benda atau sesuatu yang dirujuk. Menurut Billy Clark (2013), untuk kiasan jenis metafora pendengar seharusnya mencari andaian makna yang mungkin ingin dijelaskan oleh penutur berdasarkan perkataan yang digunakan dalam ujaran. Interpretasi makna metafora juga memerlukan pembaca atau pendengar

menghasilkan kesimpulan berdasarkan konteks dan tidak menganggap apa yang dinyatakan penutur adalah maksud sebenar ujaran.

Ungkapan kiasan metafora "senyuman adalah panahan beracun" telah menjadikan "panahan beracun" sebagai kata yang menjadi rujukan kepada penjelasan makna kiasan tersebut. "Panahan" adalah unsur inti diikuti oleh unsur penerang "beracun". Selain itu ungkapan kiasan ini adalah sejenis ayat penyata yang memberikan terus sifat, imej, ciri atau idea "panahan beracun" kepada "senyuman". Untuk memahami dengan lebih jelas dengan apa yang dinyatakan sebagai "senyuman adalah panahan beracun" maka penjelasan mengenai makna literal ungkapan tersebut harus dianalisis. Berikut adalah huraian makna linguistik bagi ungkapan kiasan metafora "senyuman adalah panahan beracun".

Data	Metafora	Makna Linguistik
3	Senyuman adalah panahan beracun	Senyuman - perlakuan mengerakan bibir pada hujungnya yang membayangkan rasa suka. Panahan - perbuatan yang melancarkan senjata yang tajam. Beracun - mempunyai atau mengandungi racun.

Berdasarkan huraian makna linguistik ungkapan kiasan metafora "senyuman adalah panahan beracun" dari segi makna leksikal membawa maksud senyuman adalah senjata, iaitu anak panah yang mungkin berbentuk runcing, tajam dan mempunyai racun, iaitu bahan berbisa yang mampu membunuh atau mencederakan. Manakala dari segi makna asosiatif dalam ungkapan "*senyuman adalah panahan beracun*", kata "*panah*" dan "*racun*" berasosiasi dengan kesakitan atau kemudaratan. Berdasarkan konteks pengetahuan sedia ada pembaca mengenai "panahan beracun", pembaca mengetahui bahawa panahan beracun akan memberi kesakitan, kemudaratan jika terkena pada tubuh badan. Pengetahuan mengenai racun adalah bersifat universal kerana rata-rata pembaca mengetahui dan mempunyai catatan ensiklopedia mengenai racun yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada benda hidup. Pengetahuan sedia ada pembaca mengenai "panahan beracun" akan menjadi konteks pemula bagi menjelaskan maksud kiasan yang digunakan. Berdasarkan konteks peristiwa Ratu Sulaman adalah wanita yang kejam, bengis dan diasuh oleh Maharani untuk memusuhi lelaki kerana Maharani bimbang bahawa cinta akan menghilangkan sifat bengis dan kejam Ratu Sulaman. Hal ini juga kerana Maharani bimbang akan segala amalan jahat dan syirikinya tidak mempunyai pewaris jika Ratu Sulaman berubah menjadi orang yang baik. Konteks peristiwa ini juga berfungsi menjadi rujukan dalam huraian makna kiasan ini.

Selain itu menerusi petikan terdahulu terdapat maklumat tambahan yang dapat menjadi rujukan kepada kiasan yang digunakan iaitu pada petikan "*pandangan yang menyinga itu beransur-ansur redup*" dan pada petikan "*Ratu*

Sulaman tersenyum tatkala bayangan wajah Laksamana Sunan meleretkan bibirnya". Petikan ini dapat menjadi anteseden kepada "panahan beracun" seterusnya membantu dalam proses huraian makna sebenar ungkapan kiasan metafora tersebut. Selain daripada ujaran atau petikan terdahulu, ujaran atau petikan yang hadir selepas itu juga dapat menjadi konteks kepada pengaliran kesimpulan kepada ungkapan "senyuman adalah panahan beracun". Ujaran selepas kadang kala mempunyai beberapa maklumat tambahan yang dapat menjadi rujukan kepada penjelasan makna yang ingin disampaikan pembaca. Menurut dan Sperber dan Deidre Wilson (1999: 191) dalam Teori Relevans, maklumat baharu mungkin menyediakan bukti lanjut dan seterusnya mengukuhkan andaian yang dibentuk. Bagi ungkapan metafora ini, maklumat tambahan yang disertakan dalam ujaran atau petikan selepas adalah "*renungan lelaki itu bagai menghentikan jantungnya*", dan "*dia terkaku hanya kerana senyuman manis dan renungan mata Laksamana Sunan*". Berdasarkan konteks, beberapa andaian dapat dibentuk.

- Andaian 1) senyuman itu boleh memudaratkan.
2) senyuman itu boleh memberikan kesan kepada diri Ratu.
3) senyuman itu boleh mengubah dan melembutkan jiwa dan perasaan Ratu.

Andaian "senyuman itu boleh mengubah dan melembutkan jiwa dan perasaan Ratu" adalah relevan sebagai penjelasan makna ungkapan metafora "senyuman adalah panahan beracun" kerana berhubung dengan konteks. Dalam Teori Relevans penguatan maklumat berlaku apabila andaian yang dihasilkan dapat diperkukuhkan dengan maklumat baharu yang diberikan penutur. Oleh itu kesan konteks "senyuman itu boleh mengubah dan melembutkan jiwa dan perasaan Ratu" adalah relevan dan tinggi kesahannya kerana disokong dengan konteks pengetahuan pembaca serta dibantu oleh maklumat tambahan dalam petikan. Usaha memproses ungkapan ini adalah mudah kerana rujukan kiasan yang digunakan berada dalam lingkungan pengetahuan pembaca.

Implikasi

Makna kiasan adalah tidak sama dengan apa-apa yang diungkapkan. Justeru kiasan perlu dianalisis menggunakan teori yang berwibawa untuk menghuraikan makna kiasan yang tersirat. Tambahan pula, bahasa kiasan telah menjadi sebahagian daripada bahasa komunikasi dalam kalangan masyarakat Melayu sejak zaman dahulu lagi.

Penggunaan kiasan dalam komunikasi menyerlahkan pemikiran, konteks budaya dan akal budi masyarakat Melayu dalam menyampaikan sesuatu maklumat atau mesej secara tersirat melalui simile, metafora dan personafikasi. Selain itu, melalui bahasa kiasan juga unsur-unsur pendidikan dan pengajaran disampaikan

dalam kalangan masyarakat Melayu demi menjaga keharmonian sekali gus mengelakkan konflik dalam komunikasi.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, jelas menunjukkan bahawa jenis bahasa kiasan dapat dibezakan melalui pemilihan kata dan cara ciptaan kiasan itu sendiri. Walaupun terdapat pelbagai jenis bahasa kiasan dalam bahasa Melayu, namun matlamat penciptaan bahasa kiasan itu sendiri mempunyai tujuan yang sama iaitu menyampaikan sesuatu secara berlapik. Penerapan kajian makna bagi setiap ungkapan kiasan mampu menjelaskan lagi makna setiap ungkapan kiasan berdasarkan konteks. Oleh itu, berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji telah dapat membuktikan bahawa setiap ungkapan kiasan yang digunakan mempunyai makna yang berbeza daripada makna literal ungkapan itu sendiri. Makna yang dianalisis berdasarkan ungkapan kiasan itu menunjukkan perbezaan makna yang ketara berbanding makna perkataan itu sendiri. Setiap kata yang dikenal pasti mengandungi makna dan fungsinya tersendiri. Penerapan Teori Relevans dapat menghuraikan makna ungkapan kiasan tersebut secara menyeluruh. Ramlee Awang Murshid (2007) juga dilihat membekalkan konteks yang mencukupi untuk pembaca memahami ungkapan kiasan yang digunakan. Tuntasnya, analisis yang dijalankan pengkaji mendapati bahawa konteks menjadi peranan penting dalam memahami makna sesuatu ungkapan kiasan.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (2010). *Kamus Pepatah, Bidalan dan Perumpamaan Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: PTS Publications.
- A. Wahab Ali. (2012). *Kemunculan Novel dalam Sastera Moden Indonesia dan Malaysia: Satu Kajian Perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Andrew, G. (2012). *Meaning and Humour*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Billy, C. (2013). *Relevance Theory*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Dan, S., and Deidre, W. (1999). *Relevans Komunikasi dan Kognisi*. (Nor Hashimah Jalaluddin, Trans.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dan, S. and Deidre, W. (1995). *Relevance: Communication and Cognition*. Oxford: Basil Blackwell.
- Deidre, W. and Dan, S. (1998). Pragmatics and Time. In Seiji Uchida and Robyn Carston Ed.), *Relevance Theory: Applications and Implications*. Amsterdam: J. Benjamins.

- Hasmidar Hassan. (2007). Kata Hubung Dan: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik. In Nor Hashimah Jalaluddin, Imran Ho Abdullah dan Idris Aman (Eds.), *Linguistik: Teori dan Aplikasi*. Selangor: Penerbit UKM.
- Hasuria Che Omar, Rokiah Awang, Syed Zainal Ariff Syed Jamaluddin dan Noriah Mohamed (Eds.) (2009). *Bahasa Verbal dan Bukan Verbal 1: Komunikasi, Pendidikan dan Penterjemahan*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Jenny, T. (1995). *Meaning in Interaction: An Introduction to Pragmatics*. London: Longman.
- Maslida Yusof. (1999). Makna Bukan Literal: Kes Metafora dan Hiperbola. *Jurnal Bahasa*.
- Nur Hashimah Jalaluddin. (1992). *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Normaliza Abd Rahim dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2007). *Kiasan Melayu Sebagai Khazanah Bangsa Melayu*. Cendekia: Kumpulan Esei Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu. FBMK. UPM Serdang. 120-131
- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir. (2005). Pengajaran Gaya Bahasa dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*. Vol. 16:37-54.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2003). *Bahasa dalam Perniagaan: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlee Awang Murshid. (2007). *Cinta Sang Ratu*. Selangor: Alaf Dua Puluh Satu.
- Reti Dasril. (2013). Penggunaan Gaya Bahasa Kiasan Novel dalam Mihrab Cinta. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*. Vol. 1(2):477-562.
- Siti Saniah Abu Bakar dan Noor Hatini Zolkipli. (2012). Unsur Eufemisme dalam Melunas Rindu dan Renyah. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*. Vol. 3:70-95.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2010). *Pragmatik Linguistik*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Wong Shia Ho. (2013). Bahasa Figuratif Sebagai Wahana Pemikiran: Satu Analisis Pragmatik. *Jurnal Bahasa*. Vol. 13(1):39-63.